



# SURUHANJAYA PELABUHAN PULAU PINANG PENANG PORT COMMISSION

NO. FAIL : A.403/10  
TARIKH : 13 NOVEMBER 2020

KEPADA : PEMILIK KAPAL, EJEN PERKAPALAN, NAKHODA, MALIM PELABUHAN,  
OPERATOR TERMINAL, AGENSI KERAJAAN DAN KOMUNITI PELABUHAN

## PORT CIRCULAR NO. 3 / 2020

### GARIS PANDUAN

#### PERMOHONAN KEBENARAN MENJALANKAN PROJEK/AKTIVITI MARIN DI DALAM HAD PELABUHAN PULAU PINANG

#### 1.0 SKOP

Permohonan oleh pemaju/kontraktor bagi mendapatkan kebenaran SPPP untuk menjalankan projek/aktiviti marin di dalam Had Pelabuhan Pulau Pinang.

#### 2.0 OBJEKTIF

- 2.1 Menyelaras dan menetapkan prosidur serta keperluan yang perlu dipatuhi oleh pemaju/kontraktor bagi menjalankan sebarang projek/aktiviti marin di dalam Had Pelabuhan Pulau Pinang.
- 2.2 Mewujudkan keseragaman kerja dan tindakan bagi mengawal operasi yang dijalankan di dalam Had Pelabuhan.

#### 3.0 PROSIDUR

- 3.1 Pemaju/Kontraktor perlu mengemukakan surat permohonan rasmi kepada Pengurus Besar Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang (SPPP) bagi menjalankan sebarang projek/aktiviti marin di dalam Had Pelabuhan Pulau Pinang yang lengkap bersama dokumen & maklumat berikut:
  - a. Profil syarikat (termasuk surat lantikan kontraktor daripada pemaju);
  - b. Maklumat projek/aktiviti yang akan dijalankan;
  - c. Tapak projek atau lokasi yang terlibat (koordinat *latitude & longitude*, serta lakaran di *Nautical Chart*);
  - d. Kapal/tongkang/bot yang akan digunakan (Bilangan terlibat & Sijil pendaftaran kapal/*Ship Registry*);
  - e. Jangka masa projek/aktiviti;

- f. Kesan terhadap operasi pelabuhan /*effects on marine traffic* (Nyatakan sekiranya pihak Jabatan Laut Malaysia memberi pengecualian terhadap *Marine Risk Assessment*); dan
  - g. Kaedah kerja (*Method of Statement*).
- 3.2 Pemaju/Kontraktor perlu mengemukakan kelulusan/tiadahalangan bagi menjalankan projek/aktiviti tersebut daripada jabatan/agensi kerajaan yang terlibat (jika ada).
- 3.3 Permohonan yang mendapat kelulusan akan dikeluarkan surat kebenaran oleh SPPP bagi menjalankan projek/aktiviti marin di dalam Had Pelabuhan.

#### **4.0 SYARAT-SYARAT**

- 4.1 Penggunaan malim adalah diwajibkan bagi kapal/tongkang yang berat tanan melebihi 600 *gross tonnage (GT)* sekiranya memasuki had pemaliman wajib (*compulsory pilotage district*) dan 200 *gross tonnage (GT)* sekiranya merapat di dermaga SPPP (Rujuk Seksyen 70B, Akta SPPP 1955);
- 4.2 Penggunaan kapal/tongkang/bot adalah tertakluk kepada peruntukan Permit Kebenaran Mengangkut Dalam Pelabuhan (Rujuk Seksyen 61, Ordinan 1955 SPPP);
- 4.3 Tiada sebarang kerja boleh dimulakan selagi pihak SPPP tidak mengeluarkan surat kebenaran kepada pemaju/kontraktor;
- 4.4 Kebenaran ini boleh ditarik balik oleh SPPP pada bila-bila masa tanpa sebarang notis sekiranya pemaju/kontraktor tidak mematuhi mana-mana syarat yang diberikan sama ada oleh SPPP atau mana-mana agensi/jabatan kerajaan yang lain; dan
- 4.5 Salinan Surat kebenaran ini hendaklah sentiasa disimpan atau dipamerkan di atas kapal/tongkang/bot terlibat bagi tujuan pemeriksaan oleh jabatan/agensi kerajaan yang berkaitan.

**SENARAI SEMAK PERMOHONAN MENJALANKAN PROJEK/AKTIVITI MARIN DI  
DALAM HAD PELABUHAN PULAU PINANG**

Nama Pemaju/Kontraktor :  
 Alamat :  
 No.Telefon/Faks :  
 Pegawai untuk dihubungi :

Bil.	Dokumen	Lengkap* (*Sila tandakan X di kotak yang disediakan)
1.	Profil syarikat (termasuk surat lantikan kontraktor daripada pemaju)	
2.	Maklumat projek/aktiviti yang akan dijalankan	
3.	Tapak projek atau lokasi yang terlibat (koordinat <i>latitude &amp; longitude</i> , serta lakaran di <i>Nautical Chart</i> ) ;	
4.	Kapal/tongkang/bot yang akan digunakan (Bilangan terlibat & Sijil pendaftaran kapal/Ship Registry);	
5.	Jangka masa projek/aktiviti	
6.	Kesan terhadap operasi pelabuhan ( <i>effects on marine traffic</i> ) (Nyatakan sekiranya pihak Jabatan Laut Malaysia memberi pengecualian terhadap <i>Marine Risk Assessment</i> )	
7.	Kaedah kerja ( <i>Method of Statement</i> )	
8.	Kelulusan/Kebenaran daripada jabatan/agensi kerajaan yang terlibat (jika ada)	

**CARTA ALIRAN PROSIDUR MENDAPATKAN KEBENARAN MENJALANKAN PROJEK/AKTIVITI MARIN DI DALAM HAD PELABUHAN PULAU PINANG**

